

07/12/2000

Rayuan saman malu Anwar diketahui Sabtu

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Rayuan akan memutuskan Sabtu ini keputusan rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung saman malu menuntut ganti rugi RM100 juta daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang mendengar rayuan itu bersama Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong menengguhkan keputusan itu pada 15 Ogos lalu selepas mendengar hujah peguambela Anwar dan Dr Mahathir.

Anwar mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 30 Ogos tahun lalu yang membatalkan samannya terhadap Dr Mahathir dengan alasan saman berkenaan remeh, menyakitkan hati serta melanggar proses mahkamah.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu memfailkan samannya pada 25 Januari tahun lalu dengan mendakwa Dr Mahathir secara palsu dan dengan niat jahat bercakap kepada pemberita tempatan dan asing pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri menuduh beliau melakukan perbuatan tidak bermoral.

Anwar mendakwa, Dr Mahathir menuturkan perkataan itu dengan pengetahuan bahawa ia akan diterbitkan di dalam dan luar negara.

Dalam pembelaannya yang difailkan pada 22 Mac tahun lalu, Dr Mahathir mendakwa beliau menuturkan perkataan itu selaku Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Beliau berkata, perkataan itu dituturkan ketika perbincangan perkara mengenai kerajaan dan politik membabitkan Anwar mengenai ketidaksesuaiannya memegang jawatan itu dan selepas siasatan terhadap perkara itu dijalankan.

Anwar, dalam jawapannya berkata, pembelaan perlindungan bersyarat tidak terdedah kepada Perdana Menteri kerana beliau telah bertindak dengan niat jahat dan tidak wajar apabila menutur dan mengeluarkan perkataan yang menyinggung untuk diterbitkan dan diterbitkan semula.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon perintah menghalang Dr Mahathir daripada terus menuturkan perkataan seumpama itu terhadap beliau.

(END)